

Pra-Bajet 2016

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Seperti kebiasaan pembentangan bajet atau belanjawan kerajaan amat dinantikan oleh segenap lapisan masyarakat yang berkepentingan. Terdapat pengharapan yang sama untuk semua golongan, namun tidak kurang pengharapan yang berbeza untuk golongan yang berbeza. Contohnya, rata-rata pengguna berharap agar bajet akan mempunyai kaitan terus dengan penurunan harga barangan. Pengeluar pula berharap agar kos pengeluaran menurun yang mana akan meningkatkan keuntungan mereka. Dalam pada itu, terdapat pula golongan yang benar-benar mengharapkan sesuatu dan ada pula golongan yang menjadi suatu bonus jika mereka mendapatnya. Namun yang lebih mendukacitakan pula ada golongan yang menerima beban di atas kebaikan yang diterima oleh golongan lain.

Senario tersebut menunjukkan kesukaran dasar awam untuk menggembirakan semua individu. Dengan kata lain akan terdapat golongan yang perlu berkorban untuk masalah umum. Mengikut kebiasaan sesuatu dasar awam di anggap memberi kebaikan jika tiada individu atau golongan tertentu akan berkeadaan lebih buruk dari sebelumnya. Konsep ini disebut 'kemajuan *Pareto*' di dalam istilah ekonomi.

Maka dengan konsep ini, kita berharap agar bajet 2016 sekurang-kurangnya tidak akan menjejaskan mana-mana golongan, jika tidak dapat memberi kebaikan kepada semua. Perancangan belanjawan ini secara ringkasnya adalah pelaksanaan fungsi pengagihan kekayaan negara oleh kerajaan. Semua rakyat jelata akan mendapat manfaat dari kekayaan negara. Manakala kekayaan negara pula akan bertambah dari masa ke semasa hasil dari pertumbuhan ekonomi.

Kekayaan negara adalah dicerminkan oleh hasil kerajaan, yang majoritinya diperoleh melalui cukai yang di kutip. Hasil utama cukai adalah cukai pendapatan. Namun cukai

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

berasaskan penggunaan (GST) yang diperkenalkan mulai tahun ini dijangka akan memberi sumbangan yang tinggi kepada hasil kerajaan.

Hasil kerajaan perlu diagihkan kepada umum dalam bentuk kesejahteraan hidup melalui pembinaan segala keperluan infrastruktur dan kemudahan serta peluang pekerjaan dan lain-lain aktiviti ekonomi. Untuk merealisasikan matlamat ini, hasil kerajaan perlu dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Secara ringkasnya, perbelanjaan mengurus merupakan perbelanjaan langsung yang perlu untuk kesinambungan segala perkhidmatan kerajaan.

Perbelanjaan pembangunan pula lebih merupakan penyediaan ekonomi untuk terus tumbuh. Ini termasuk penyediaan infrastruktur, peningkatan teknologi dan peningkatan modal insan. Perbelanjaan pembangunan ini penting untuk keamanan pertumbuhan ekonomi. Jika peruntukan yang sewajarnya tidak disediakan, pertumbuhan ekonomi masa hadapan akan terjejas. Walau bagaimanapun, peruntukan perbelanjaan pembangunan masa hadapan ini akan mengurangkan peruntukan untuk perbelanjaan mengurus yang di perlukan sekarang. Kerajaan perlu bijak mengimbangi tukar ganti antara perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan ini.

Kerajaan dijangka meneruskan strategi belanjawan ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi sambil meningkatkan kesejahteraan umum. Kedudukan kewangan kerajaan dijangka dikekalkan di atas landasan ke arah belanjawan seimbang menjelang 2020. Dengan itu defisit belanjawan dijangka akan bertambah baik berbanding dengan kedudukan defisit untuk tahun ini sebanyak 3.0% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Perlu diingat bahawa pengurangan defisit belanjawan adalah perlu untuk memastikan hutang kerajaan berada di bawah kawalan. Kerajaan di jangka mengekalkan siling hutang tidak melebihi 55% daripada nilai KDNK. Walau bagaimanapun, kerajaan masih harus berhutang untuk memastikan perbelanjaan pembangunan dan mengurus tidak terjejas, yang seterusnya akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Secara umumnya, selagi kos penyelenggaraan hutang tidak melebihi faedah kepada ekonomi hasil dari hutang tersebut, maka hutang tersebut dijangka mampu memberi manfaat kepada ekonomi.

Pendapatan kerajaan dijangka meningkat sumbangan dari GST, walaupun pada masa yang sama hasil dari royalti minyak masih terjejas kerana harga minyak dunia dijangka terus berada pada harga yang rendah. Namun demikian perbelanjaan kerajaan juga dijangka turut meningkat kesan dari penurunan nilai ringgit. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak seharusnya menjejaskan hasrat pengurangan defisit belanjawan kerajaan. Segala kepincangan yang menjejaskan hasrat untuk mengurangkan defisit belanjawan kepada tidak melebihi 3.0% daripada KDNK dijangka akan diuruskan melalui perbelanjaan berhemah oleh kerajaan.

Sentimen yang sering dikaitkan dengan peningkatan kesejahteraan umum adalah sangat relevan dengan situasi semasa. Maka umum mengharapkan sesuatu yang pragmatik berkaitan dengan kesejahteraan rakyat jelata dari pembentangan belanjawan 2016 ini. Peningkatan kos sara hidup dilihat telah menghakis kekayaan yang dibina. Justeru kerajaan diharap menggunakan strategi serampang dua mata di dalam menangani isu ini. Pertama, melalui mekanisme langsung mengurangkan kos sara hidup seperti penurunan harga barangan dan perkhidmatan. Kedua, melalui kenaikan pendapatan.

Berkaitan dengan penurunan harga barangan, polisi kawalan harga walaupun nampak seperti berkesan namun ianya adalah tidak produktif. Dasar ini diharap tidak dibuat secara berleluasa untuk memastikan kecekapan di dalam ekonomi terjamin. Untuk keberkesanan yang lebih kekal, usaha harus ditumpu ke arah peningkatan persaingan dan kecekapan proses pengeluaran serta agihan. Perbelanjaan pembangunan harus di tumpu ke arah ini untuk memperbaiki sistem dan struktur yang ada. Perbelanjaan pemantauan juga perlu ditingkatkan untuk memastikan undang-undang dan peraturan dipatuhi.

Berhubung dengan peningkatan pendapatan umum, usaha harus tertumpu kepada peningkatan pendapatan melalui peningkatan produktiviti. Pekerja yang produktif perlu mendapat upah yang setimpal. Oleh itu, peningkatan modal insan mestilah selari dengan penyediaan peluang pekerjaan oleh ekonomi. Dengan kata lain, ekonomi mesti mampu menyerap bukan sahaja tenaga kerja yang dicipta tetapi adalah tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Ini memerlukan perbelanjaan pembangunan yang setimpal

oleh kerajaan. Jadi pekerja menganggur kerana memilih kerja adalah kurang relevan, sebaliknya pekerjaan yang setimpal harus diwujudkan.

Peningkatan pendapatan melalui bayaran langsung seperti subsidi adalah kurang berkesan, di samping mempunyai kesan jangka panjang yang kurang produktif kepada ekonomi. Jika masih diperlukan, strategi ini perlu memilih kumpulan sasaran secara terperinci dan cuma ditujukan kepada golongan yang benar-benar memerlukan. Ringkasnya, segala bantuan peningkatan pendapatan perlu dilakukan di atas dasar kebolehan dan penyerlahan kreativiti kumpulan sasaran tertentu.

Perbelanjaan pembangunan juga perlu membantu untuk peningkatan kemudahan awam secara lebih pantas dan menyeluruh. Perancangan komprehensif, walaupun sudah wujud terutama di Lembah Klang namun ianya memakan masa yang agak lama. Dalam pada itu, banyak golongan rakyat semasa terpinggir. Seseengah kemudahan awam swasta, seperti lebuhraya, mungkin perlu di awamkan memandangkan keperluan semasa yang turut menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup.